



UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI
JABATAN KETUA MENTERI
ARAS 2, BANGUNAN DUN (LAMA)
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK

NO. TEL : 082-510881
NO. FAX : 082-311374

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan
Sarawak

KEPADА : Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Negeri
Semua Residen Bahagian

SALINAN :
KEPADА

RUJUKAN : JKM/UNION/100-1/1/5
(03)

TARIKH : 16 Mei 2019

**PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MS ISO 37001: 2016 ANTI-BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

1. TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS).
- 1.2 ABMS telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2016 bagi memantapkan tadbir urus dan membantu sektor awam, swasta dan entiti bukan berdasarkan keuntungan melaksanakan langkah sewajarnya untuk mencegah jenayah rasuah dalam agensi.
- 1.3 Sebagai projek perintis, beberapa agensi kerajaan dan swasta telah dipersijilkan di bawah MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) pada tahun 2017.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada tahun 2013, International Organization for Standardization (ISO) telah menubuhkan jawatankuasa 'Project Committee ISO (PC 278)' untuk membangunkan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh lebih 50 orang pakar dari pelbagai negara dan organisasi antarabangsa termasuk Malaysia. MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems telah dilancarkan secara rasminya pada bulan Oktober 2016.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 21 November 2018 bersetuju supaya Standard antarabangsa ISO 37001 Anti-Bribery Management Systems digunakan secara menyeluruh di setiap Kementerian, agensi dan jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi bagi membina budaya integriti dan mencegah perbuatan salah laku rasuah.
- 2.3 Pematuhan kepada ISO 37001:2016 boleh dijadikan ukuran bagi sesbuah organisasi melaksanakan sistem pencegahan rasuah yang efektif dan proaktif dalam menangani gejala rasuah. Standard ini boleh dilaksanakan di semua jenis organisasi sama ada melibatkan syarikat swasta mahupun kerajaan, daripada berskala kecil, sederhana sehingga ke skala besar.
- 2.4 MS ISO 37001 ini adalah sistem kawalan dalaman sesbuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendali, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik pengurusan anti-rasuah secara lebih berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah di mana-mana organisasi.

2.5 Di samping itu, standard ini diperkenalkan untuk membuktikan kepada pihak berkepentingan (stakeholders) bahawa amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi telah dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

3. GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN MS ISO 37001: 2016 DALAM PERKHIDMATAN AWAM

3.1 Secara umumnya garis panduan ini, mengandungi empat bahagian utama seperti berikut:

- a. Pengenalan;
- b. Standard MS ISO 37001:2016;
- c. Keperluan Standard MS ISO 37001:2016; dan
- d. Audit dan pemantauan

3.2 Walaubagaimanapun, garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan "Anti-Bribery Management Systems-Requirements with guidance for use (ISO 37001:2016, IDT)" yang dikeluarkan oleh Department of Standard Malaysia pada tahun 2017.

3.4 Keperluan dalam melaksanakan ABMS seperti yang digariskan melalui MS ISO 37001: 2016 ABMS adalah seperti yang berikut:

- Polisi anti-rasuah, prosedur dan pengawalan (*anti-bribery policy, procedures, and controls*)
- Tanggungjawab, komitmen dan kepimpinan pengurusan tertinggi (*top management leadership, commitment and responsibility*)
- Badan pengawasan (*oversight governing body*)
- Latihan anti-rasuah (*anti-bribery training*)

- Penilaian risiko rasuah (*Bribery risk assessments*)
- Keakuran dalam pelaksanaan projek dan rakan perniagaan (*Due diligence on projects and business associates*)
- Pelaporan, pemantauan, siasatan dan kajian semula (*Reporting, monitoring, investigation and review*)
- Tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan (*Corrective action and continual improvement*)

4. RASIONAL PELAKSANAAN ABMS DALAM PANS

- 4.1 MS ISO 37001:2016 ABMS ini dilaksanakan sebagai satu piawaian pencegahan rasuah kepada semua pihak khususnya organisasi komersial dalam persediaan menghadapi cabaran pelaksanaan peruntukan Liabiliti Korporat sebagaimana dinyatakan dalam Akta SPRM 2009 yang telah dipinda dengan memasukkan Seksyen 17A Kesalahan Oleh Organisasi Komersial telah diluluskan untuk dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2020.
- 4.2 MS ISO 37001:2016 menggariskan pelbagai polisi dan prosedur yang boleh dipatuhi dan digunakan oleh organisasi sebagai ukuran kawalan sistem pencegahan rasuah bagi membantu syarikat atau organisasi melaksanakan sistem pengurusan yang efektif dalam mencegah, mengesan dan menangani rasuah yang berkemungkinan berlaku dalam sesebuah organisasi.

4.3 Ia dapat memberikan keyakinan kepada pelanggan dan rakyat tentang usaha dan kesungguhan yang diambil oleh kerajaan dalam membudayakan integriti dan mewujudkan persekitaran bebas rasuah. Selain meningkatkan imej dan integriti organisasi yang mematuhi standard ini, tadbir urus yang berintegriti adalah penting kerana rasuah mampu meruntuhkan kualiti hidup masyarakat dan daya saing negara.

5. KEPERLUAN PENGAUDITAN

- 5.1 Bagi agensi yang memilih untuk melaksanakan ABMS di peringkat agensi masing-masing hendaklah memaklumkan Unit Integriti dan Ombudsman Negeri bagi tujuan pemantauan.
- 5.2 Bagi tujuan persijilan, agensi akan diaudit oleh audit dalaman dan Jabatan Standard Malaysia.

6. TARIKH KUAT KUASA


- 6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

7. PENUTUP

- 7.1 MS ISO 37001:2016 ABMS adalah satu standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam menggalakkan amalan tadbir urus baik organisasi yang boleh digunakan sebagai satu medium untuk melaksanakan sistem pengurusan anti rasuah yang berkesan.

7.2 MS ini menyediakan keperluan dan panduan untuk mewujud, melaksana, mengekal dan memperbaiki sistem pengurusan anti rasuah. Organisasi boleh memilih untuk dipersijilkan di bawah MS ISO 37001:2016 ABMS sahaja atau disepadukan dengan sistem sedia ada atau menjadi sistem pengurusan keseluruhan.

'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'
'AN HONOUR TO SERVE'



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL
GHANI)
Setiausaha Kerajaan, Sarawak

